

07 FEB 1998

MB SELANGOR YAKIN TIADA PERTANDINGAN DALAM PEMILIHAN UMNO BAHAGIAN

KUALA SELANGOR, 7 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar hari ini berkata beliau yakin bahawa semua bahagian Umno di negeri itu akan mematuhi nasihat presidennya supaya tiada pertandingan dalam pemilihan peringkat bahagian akan datang.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata, Umno negeri menyokong penuh usul Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemilihan ketua bahagian itu dibuat secara rundingan.

Beliau berkata, perkara itu sudah lama difikirkan oleh badan perhubungan Umno sehingga beberapa ketetapan telah dibuat mengenainya untuk mengelakkan pertandingan.

"Kita sudah buat satu resolusi pada konvensyen Umno Julai lepas mencadangkan supaya tiada pemilihan persidangan perwakilan tahun ini dan pada Disember lepas pula memutuskan supaya pemilihan hendaklah dibuat berdasarkan rundingan dengan ketua bahagian," katanya dalam sidang berita semasa mengadakan rumah terbuka di Bangunan Umno bahagian Kuala Selangor di sini, hari ini.

Ditanya mengenai kemungkinan adanya pertandingan, Abu Hassan berkata setakat ini beliau tidak dimaklumkan mengenainya.

"Setakat ini saya tidak memikirkan tentang tindakan terhadap mereka yang engkar dengan nasihat presiden kerana saya fikir mereka akan patuh, saya harap begitulah," katanya.

Sementara itu menurut beliau untuk bahagian Kuala Selangor, persidangan pemilihan peringkat cawangan akan diadakan pada 1 Mac manakala peringkat bahagian pula pada 15 Mac. -- BERNAMA

AZH PR